



MOHZANI Abdul Wahab (lima dari kanan) berkata sesuatu kepada para penerima biasiswa Shell di Kuala Lumpur, semalam.

25 pelajar terima biasiswa Shell

KUALA LUMPUR 23 Jun - Seramai 25 pelajar cemerlang dianugerahkan biasiswa penuh Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd. (Shell Malaysia) bagi melanjutkan pengajian peringkat ijazah pertama di universiti tempatan dan luar negara.

Pengarah Urusan Shell Malaysia, Datuk Mohzani Abdul Wahab berkata, biasiswa tersebut memberi peluang kepada mereka yang berbakat merealisasikan impian untuk mendalami bidang pengajian yang diminati.

"Melalui biasiswa ini, kami yakin mampu memainkan peranan penting sebagai pelengkap kepada usaha negara untuk membangun dan mempertingkatkan modal insan di kalangan pelajar negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Biasiswa dan Hadiah Cemerlang itu di sini hari ini.

Turut hadir Penolong Pengarah Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran, Raja Mazlan Raja Shahdan.

Mohzani berkata, sebagai rakan kongsi dalam kemajuan negara, Shell berasa bangga dapat memberi sumbangan kepada pem-

angunan mampan di Malaysia melalui peningkatan aset intelektual di negara ini.

"Kami secara berterusan melabur RM11 juta setiap tahun dalam pelbagai anugerah pendidikan untuk warga Malaysia dan usaha ini telah berterusan lebih 35 tahun," ujarnya.

Beliau berkata, seramai 15 daripada penerima biasiswa penuh tersebut akan melanjutkan pelajaran di universiti tempatan, manakala selebihnya di universiti antarabangsa.

Katanya lagi, pihaknya akan membiayai yuran serta kos sara hidup para pelajar terbabit sepanjang tempoh pengajian.

Pada majlis tersebut, seramai 20 pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan lima pelajar Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) turut diberi pengiktirafan atas keputusan cemerlang mereka dengan masing-masing menerima wang tunai RM800 dan RM1,000.

Selain itu, lima buah sekolah masing-masing menerima wang tunai RM5,000 kerana mencapai keputusan keseluruhan yang cemerlang dalam peperiksaan Penilaian Me-

nengah Rendah (PMR).

Sementara itu, seorang penerima biasiswa yang ditemui, **Richard Foong Kean Wei**, 20, berkata, dia berasa gembira kerana dapat melanjutkan pelajaran di University College London (UCL) dalam bidang Kejuruteraan Kimia.

"Saya berharap dengan biasiswa pengajian ini, saya dapat menimba pengetahuan dan meluaskan pengalaman apabila belajar di luar negara kerana suasana dan budaya pembelajaran di sana semestinya berbeza dengan negara ini," katanya.

Seorang penerima hadiah cemerlang ST-PM, **Banchakorn Ail Sombon**, 20, berkata, dia menamatkan pengajian tingkatan enam di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Star, Kedah, dan mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.92 dalam STPM.

"Saya terkejut kerana terpilih untuk menerima hadiah ini dan berharap wang yang dianugerahkan dapat menampung yuran pendaftaran apabila memulakan pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Julai ini," jelasnya.